

Perlu arif sistem monarki untuk jadi menteri besar

Free Malaysia Today

26 March 2014

Oleh Adam Abu Bakar

SHAH ALAM: Perlantikan seseorang sebagai menteri besar negeri Selangor tidaklah semudah yang disangka.

Menurut Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, proses perlantikan sebagai menteri besar haruslah mengambil kira tentang peranan Pakatan Rakyat (PR) dan juga peranan sultan serta pihak istana.

“Pegawai-pegawai istana telah bertanya kepada saya, sama ada Azmin Ali dan Zuraida Kamaruddin arif atau tidak dalam memahami adat dan tertib istana dan juga negeri.

“Negeri Selangor mempunyai sistem monarki yang jelas,”katanya dalam sidang media Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Selangor.

Tambahnya, PR mempunyai hak untuk berbincang mengenai semua perkara, termasuk mengenai perlantikan menteri besar.

“Perkara ini menunjukkan kearifan dalam setiap usaha-usaha yang PR lakukan,” jelasnya.

Isu pertukaran menteri besar Selangor telah diperkatakan sejak beberapa bulan lalu.

Desas desus mengatakan Abdul Khalid akan digantikan dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas pilihan raya kecil Kajang pada Ahad lalu tetapi malangnya Ketua Umum PKR tersebut hilang kelayakkan bertanding selepas didapati bersalah oleh Mahkamah Rayuan 7 Feb lalu kerana meliwat bekas pembantunya Mohd Saiful Bukhari Azlan pada tahun 2008.

Anwar turut membayangkan kesediaan untuk menjadi menteri besar Selangor yang baharu.

Sementara itu, Adun Kajang yang baharu Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail yang juga presiden PKR dijangka mengangkat sumpah pada 7 April depan.

Berdasarkan perkembangan ini, Abdul Khalid dijangka terus menjadi menteri besar Selangor sehingga akhir penggal.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/26/perlu-arif-sistem-monarki-untuk-jadi-menteri-besar/>